



Aktiviti ini dirancang dengan kerjasama Pulau Spring Resort yang jelas menampakkan kesan positif kepada murid AISS. Kami kagum dengan kemurahan hati murid dan guru di sini yang menyediakan sambutan yang begitu istimewa 99

Peter Allison
Ketua rombongan

kegunaan murid SK Kangkar Pulai 2. Pelbagai aktiviti turut diisi bagi merapatkan lagi hubungan dua hala antara kedua sekolah terbabit. Antaranya tayangan filem tentang kehidupan pelajar AISS, pembelajaran dan komunikasi bahasa Inggeris dalam bilik darjah dan acara sukan seperti bola keranjang, congkak dan juga larian tarik upih.

Guru Besar SK Kangkar Pulai 2, Razali Lan, berkata program sedemikian adalah peluang keemasan untuk murid dua sekolah itu berkongsi pelbagai manfaat untuk kebaikan bersama.

“Kaedah seperti ini mendapat sambutan yang baik di kalangan murid dan guru, inilah masanya mereka mendedahkan pengalaman dan budaya masing-masing.

“Murid SK Kangkar Pulai 2 amat bertuah dan kami berharap perhubungan dan jalinan antara dua negara ini tetapi berterusan,” katanya.

Murid AISS kenali warisan Johor

Rombongan Sekolah Antarabangsa Australia ziarah SK Kangkar Pulai 2



Komuniti

Oleh Nor Hazwani Hamat
bhjb@bharian.com.my

JOHOR BAHRU: Seramai 120 murid dari Sekolah Antara-bangsa Australia di Singapura (AISS) mengadakan lawatan dalam usaha berkongsi perbezaan budaya dan alam persekolahan dengan rakan sebaya mereka dari Sekolah Kebangsaan (SK) Kangkar Pulai 2 di sini,

Guru Kanan AISS selaku ketua rombongan terbabit, Peter Allison, berkata lawatan itu adalah kali kedua diadakan selepas pihaknya melihat kesan positif kalangan murid apabila mereka berpeluang berkongsi pengalaman dan budaya ketika kali pertama dianjurkan tahun lalu.

“Aktiviti ini dirancang dengan kerjasama Pulau Spring Resort yang jelas menampakkan kesan positif kepada murid AISS. Kami kagum dengan kemurahan hati murid dan guru di sini yang menyediakan sambutan yang begitu istimewa.

“Murid yang mengambil bahagian



MURID Sekolah Antarabangsa Australia cuba belajar menari sempena lawatan ke SK Kangkar Pulai 2.

bukan saja boleh saling mengenali antara satu sama lain, tetapi juga berkongsi budaya menerusi penyertaan aktiviti yang disediakan,” katanya

ketika ditemui pada Majlis Perasmian Program Hubungan Antara Budaya di SK Kangkar Pulai 2, di sini. Pada majlis berkenaan, AISS turut

menyampaikan sumbangan wang dan beberapa barangan elektronik seperti televisyen, kamera video, pemain DVD dan projektor untuk

● ZULKARNIAN AHMAD TAJUDIN | BERITA HARIAN